

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Warga asing di Miri rugi RM62,000 ditipu 'penguat kuasa kastam'
Date : 15 November 2023
Section : Tempatan
Page : 2



Warga asing di Miri rugi RM62,000 ditipu 'penguat kuasa kastam'

MIRI: Seorang lelaki warga asing kerugian RM62,000 selepas ditipu suspek yang menyamar sebagai penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam satu laporan dibuat pada 12 November lalu.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu berkata, mangsa dikatakan telah membeli barangan sukan dari laman sosial Instagram seterusnya dihubungi suspek melalui panggilan telefon yang mengaku sebagai penguat kuasa kastam.

"Mangsa berusia 40-an merupakan seorang kerani dimaklumkan suspek bahawa barangan itu telah dihantar menggunakan perkhidmatan pos.

"Suspek kemudian mengatakan terpaksa menahan barang tadi kerana terlibat dengan barangan seludup dan perlu membuat bayaran pelepasan untuk mengelakkan tindakan undang-undang terhadap mangsa," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Alexson, kerana panik dan risau, mangsa telah membuat serahan wang melalui 13 kali transaksi ke akaun bank yang diberikan suspek sehingga berjumlah RM62,000.

Mangsa hanya sedar telah tertipu apabila menceritakan perkara ini kepada ahli keluarga dan tampil membuat satu laporan polis.

"Siasatan polis sedang di-



ALEXSON

jalankan," katanya.

Susulan kes itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dengan

pembelian barangan dalam talian khususnya dari laman sosial serta tidak mempercayai mana-mana pemanggil yang mengaku sebagai pihak penguat kuasa undang-undang yang meminta bayaran secara dalam talian atau atas panggilan telefon tersebut semata-mata.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 jika menjadi mangsa penipuan siber (pinjaman tidak wujud, love scam, e-dagang, phone scam dan sebagainya) sekiranya baru sahaja membuat transaksi pindahan wang ke mana-mana akaun bank atau e-wallet suspek.

Orang ramai juga dinasias-

atkan untuk memuat turun aplikasi Whoscall melalui Google Play Store atau Apple Store untuk membantu anda membuat keputusan sama ada mahu menjawab panggilan telefon yang diterima atau sebaliknya.

Kerjasama antara Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) dengan pembangun aplikasi Whoscall membolehkan nombor telefon yang tersenarai dalam pangkalan data sistem semak mule JSJK akan ditandakan sebagai scammer oleh Whoscall.

Orang ramai juga disarankan untuk mengimbas QR Kod Scan Me bagi mendapatkan maklumat terkini tentang modus operandi jenayah komersial di akaun

media sosial rasmi JSJK dan e-book jenayah komersial dan boleh membuat semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui check scammers ccid atau melalui laman web <http://semakmule.rmp.gov.my> sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

Layari Facebook JSJK, Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police dan JSJK Sarawak untuk mendapatkan maklumat modus operandi terkini penipuan serta boleh menghubungi JSJK 013-211 1222 (WhatsApp/SMS) bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat berhubung kes-kes jenayah dalam talian.